

Warta **102** Konvo

Edisi 6 September 2025

**PENGIKTIRAFAN BERTERUSAN
BUKTI KECEMERLANGAN UiTM**

**PENINGKATAN KUALITI TUMPUAN
UiTM PAHANG**

**"SKROL INI TANDA KENANGAN
KAMI SEKELUARGA"**



CEKAL HADIR ISTIADAT KONVOKESYEN MESKIPUN BERDEPAN KESUKARAN



oleh : Aidil Adha Abdullah

“Berkeadaan tidak sihat bukanlah alasan untuk saya tidak membawa pulang skrol. Sebaliknya, inilah antara salah satu detik istimewa buat saya dan keluarga.” Itulah kata-kata Nor Maisurah Hasbullah, graduan kelas pertama Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang tetap hadir ke hari bersejarah beliau sekalipun terpaksa berkerusi roda.

Anak kelahiran Melaka itu tetap hadir ke Istiadat Konvokesyen UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) meskipun terpaksa berkerusi roda selepas terbabat dalam kemalangan ketika pulang dari tempat kerja.

Menurutnya, kejayaan menamatkan pengajian dalam tempoh empat tahun adalah hasil usaha gigih mengharungi cabaran sepanjang bergelar mahasiswa. “Saya sangat gembira kerana sepanjang empat tahun pengajian, banyak dugaan yang terpaksa saya lalui,” katanya.


Beliau turut mengakui realiti kehidupan sebagai pelajar tidak terlepas daripada cabaran emosi dan fizikal. “Kita perlu bijak memilih rakan kerana ada yang mungkin membawa pengaruh kurang baik, malah ada yang melihat kita sebagai pesaing dan bukannya seperjuangan,” jelasnya.

Tambah Nor Maisurah, ibu bapa menjadi sumber kekuatan utama hingga membolehkan dirinya berada pada tahap ini. “Ibu dan ayah saya adalah inspirasi terbesar. Setiap kali mengingatkan pengorbanan mereka, saya pasti menitikkan air mata,” luahnya dalam nada sebak.

Dalam pada itu Nor Maisurah juga menyentuh peranan teknologi dalam pengajiannya yang banyak membantu melancarkan lagi perjalanan pengajiannya.

“Kecerdasan buatan (AI) memang membantu, tetapi saya tidak sepenuhnya bergantung kepadanya. Walaupun kita boleh menyalin, pemikiran AI tetap tidak dapat menandingi otak manusia,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau menyifatkan konvokesyen sebagai detik yang hanya sekali seumur hidup bagi setiap graduan, justeru tidak menjadi kesalahan untuk menggagahkan diri hadir menerima skrol.



Nor Maisurah bersama ibu dan bapanya.

“Saya berharap semua graduan berbahagia walaupun belum mencapai apa yang diimpikan, dan sentiasalah reda serta bersyukur dengan setiap rezeki yang Allah kurniakan.” titipan pesanan Nor Maisurah kepada semua graduan serta yang sedang melanjutkan pengajian.



**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik